

750 juta saksikan F1 Bot Laju Sedunia

19 AUG 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia sekali lagi mendapat perhatian dunia apabila acara akhir siri ke-7 kejuaraan F1 Bot Laju Sedunia di tasik buatan manusia di The Mines Resort City di sini, disiarkan secara langsung hari ini dan disaksikan 750 juta penonton di lebih 60 negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membawa acara antarabangsa itu ke negara ini, berharap kejohanan itu akan mendorong lebih ramai lagi pelancong untuk melawat Malaysia.

Perdana Menteri berkata, perlumbaan bot laju itu akan menjadi acara popular di Malaysia seperti juga perlumbaan kereta F1 yang turut diadakan di negara ini setiap tahun.

"Malangnya pada hari ini, cuaca berjerebu sedikit. Jika tidak, mereka (penonton di lebih 60 negara) akan dapat lihat bagaimana hijaunya negara kita dan begitu teratur rumah-rumah," katanya selepas menyaksikan perlumbaan itu yang dimenangi pelumba dari Itali, Massimo Roggiero.

Perlumbaan itu mencetuskan keunikan tersendiri dalam pengan-

juratan sukan berprestij itu kerana buat pertama kali diadakan di tasik buatan manusia, berbanding di sungai atau persisiran pantai.

Ini adalah kali kedua perlumbaan itu diadakan di Malaysia.

Kali pertama ialah di Tanjung Puteri, Johor tahun lalu. Penganjur, iaitu Union of Internationale Motonautique (UIM) menetapkan perlumbaan di tasik The Mines Resort City itu sebagai gelanggang tetap secara pusingan di antara 11 negara dan tahun depan diadakan pada bulan September di sini.

Antara stesen televisyen yang membuat liputan secara langsung hari ini ialah Sport TV dari Latin Amerika, SBS dan Saturn (Australia), MSAT, TELE + dan AXN di benua Eropah serta TV dari China dan Jepun, selain Astro.

Dr Mahathir berkata, perlumbaan bot laju itu akan menjadi popular walaupun setakat ini pihak penganjur belum mengenakan sebarang bayaran kepada penonton tempatan berbanding perlumbaan kereta F1 di Litar Sepang.

Beliau berkata, tasik di The

Mines Resort City lebih sesuai untuk perlumbaan bot laju kerana tiada ombak yang akan turut menyebabkan pergerakan bot semakin laju.

"Kita tengok dia macam lari atas air saja. Ia juga tidak menyebabkan arus ombak yang boleh merosakkan kelajuan bot. Oleh itu, tasik ini amat sesuai untuk perlumbaan dengan airnya tenang," katanya.

Beliau yakin tasik itu akan menjadi tempat biasa untuk perlumbaan bot laju yang bakal menarik penyertaan ramai pelumba asing serta pelancong luar ke negara ini.

Katanya, kerajaan sentiasa mahu mengadakan acara itu secara kecil-kecilan tetapi sambutan orang ramai begitu menggalakkan seperti perlumbaan kereta F1 di Sepang dan pertunjukan Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima).

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan tetap memberi sokongan kepada acara yang membawa kebaikan kepada Malaysia walaupun beliau tiada lagi menerajui negara ini selepas Oktober tahun depan.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir ketika ditemui pada majlis yang sama berkata, mulai tahun depan acara perlumbaan bot laju di situ akan dimasukkan ke dalam kalender tahunan pelancongan negara.

"Mulai tahun depan, kita akan uruskan perlumbaan ini dengan cara lebih teratur. Pihak penganjur tempatan sudah membuat keputusan supaya sukan ini akan diadakan setiap tahun di tasik The Mines Resort City yang akan diadakan pada akhir September atau awal Oktober.

"Waktu itu kita di Malaysia tak begitu sibuk, jadi seluruh negara dapat memberi tumpuan kepada sukan antarabangsa ini. Oleh sebab itu, maka kita dapatlah mengaturnya publisiti ke seluruh dunia dengan cara lebih teratur.

"Tahun depan kita yakin, apabila kita adakan perlumbaan F1 bot laju ini, sudah tentu kita dapat menarik ber-puluh ribu lagi pelancong lain yang akan datang ke sini khususnya untuk menyaksikan sukan ini," katanya.